

616:
MAHATHIR-UMNO

1976

KUALA TRENGGANU, 5 JUN, (BERNAMA)-- DR. MAHATHIR MOHAMED MALAM INI MENEGASKAN PENTINGNYA AHLI-AHLI UMNO MEMELIHARA DAN MENGUKUHKAN PERPADUAN DI KALANGAN MEREKA UNTUK KEUTUHAN PARTI ITU.

KATANYA, MEREKA PERLU MENINGATKAN DIRI MEREKA TENTANG ASAL USUL DAN SUMBER KEKUATAN MEREKA IAITU PERPADUAN.

+WALAU APAPUN BERLAKU PERPADUAN MESTILAH DIJAGA+, TEGAS TIMBALAN PERDANA MENTERI YANG JUGA PEMANGKU TIMBALAN PRESIDEN UMNO.

KATANYA, JIKA SESUATU MASALAH TIMBUL, PASTI ADA JALAN MENYELESAIKANNYA +TETAPI JANGAN SEKALI-KALI DIPECAHKAN PERPADUAN ITU+ BELIAU TELAH BERUCAP MERASMIKAN PERAYAAN ULANGTAHUN UMNO KE 30 DI DEWAN TUANKU ABDUL RAHMAN, DI SINI.

DR. MAHATHIR TELAH MENYOROT SEJARAH PERJUANGAN ORANG-ORANG MELAYU DAN UMNO YANG TELAH BERJAYA MENCAPAI KEMERDEKAAN SEMATA-MATA DENGAN KEKUATAN PERPADUAN MEREKA.

TETAPI, KATANYA, PADA MASA INI TELAH ADA TANDA-TANDA YANG KESEDARAN MENGENAI PERPADUAN ITU MULA BERKURANGAN DAN BIBIT-BIBIT PERPECAHAN MULA KELIHATAN. --BERSAMBUNG 0027/MD

617:
MAHATHIR-UMNO 2 KUALA TRENGGANU.

KATANYA, INI IALAH KERANA TIMBULNYA SIKAP MENGEJAR KEPENTINGAN DIRI SENDIRI YANG BOLEH MEMECAHKAN PERPADUAN ITU.

DR. MAHATHIR JUGA MENINGATKAN TENTANG ADANYA SEGOLONGAN ORANG YANG LEBIH MERBAHAYA DARIPADA SEGELINTIR ORANG-ORANG MELAYU YANG BEKERJASAMA DENGAN KOMINIS.

GOLONGAN TERSEBUT WALAUPUN TIDAK BEKERJASAMA DENGAN KOMINIS TETAPI SANGGUP MEMECAHBELAHKAN ORANG-ORANG MELAYU DENGAN MENGELUARKAN KATA-KATA YANG MELEMAHKAN KEPIMPINAN ORANG-ORANG MELAYU.

BELIAU JUGA BERKATA ADA DIANTARA MEREKA YANG MENGGUNAKAN UGAMA BAGI MEMECAH-BELAHKAN ORANG-ORANG MELAYU. --BERNAMA 0030/MD